

KRITERIA AIM 22

TERMA DAN SYARAT KELAYAKAN

1. Pencalonan terbuka untuk Album dan “Single” yang diterbitkan di Malaysia dari **1^{hb}Julai 2014 – 30^{hb}Jun 2016**.
2. Definisi “Tarikh Diterbitkan”:
 - (i) Bagi Album dalam bentuk fizikal, ia adalah tarikh keseluruhan Album dikeluarkan untuk tujuan jualan kepada orang awam dalam bentuk fizikal;
 - (ii) Bagi Album/”Single” dalam bentuk digital, ia adalah tarikh ianya dikeluarkan untuk tujuan jualan kepada orang awam dalam bentuk digital. Lagu mestilah boleh dimuatturun dalam bentuk lagu penuh dan bukan hanya sebahagian darinya seperti “true tones” atau tona nada dering.
3. Pencalonan terbuka kepada semua Syarikat Rakaman dan Syarikat Penerbitan yang merupakan ahli kepada **Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM)** dan artis yang menjadi ahli kepada **Recording Performers Malaysia Berhad (RPM)**.
4. Setiap pencalonan untuk setiap kategori harus disertakan dengan satu (1) Borang Pencalonan dan satu (1) Cakera Padat, Cakera Padat Video dan/atau Cakera Video Digital (jika perlu).
5. Pencalonan hanya boleh dihantar untuk satu (1) genre muzik sahaja. (ditetapkan oleh Syarikat Rakaman/Penerbitan)
6. Mana-mana artis yang bernaung di bawah Syarikat Rakaman atau Penerbitan yang merupakan ahli **RPM** yang memenuhi kriteria-kriteria di bawah akan dianggap sebagai layak:
 - (a) Mana-mana artis yang merupakan warganegara Malaysia;
 - (b) Mana-mana artis yang mempunyai status pemastautin tetap dan telah menetap di Malaysia sekurang-kurangnya enam bulan dalam setahun dalam tempoh dua tahun berturut-turut sebelum acara anugerah (semasa tempoh kelayakan dan dalam kelayakan terdahulu);
 - (c) Mana-mana artis luar yang berpangkalan di Malaysia sekurang-kurangnya enam bulan dalam setahun dalam tempoh dua tahun berturut-turut sebelum acara anugerah (semasa tempoh kelayakan dan dalam kelayakan terdahulu) dan yang bernaung di bawah Syarikat Rakaman atau Penerbitan yang merupakan ahli RIM.

Bagi artis berkumpul atau duo, sekurang-kurangnya 50% dari ahli kumpulan harus menepati salah satu kriteria di atas. Ahli majlis RIM berhak untuk menentukan kelayakan dalam keadaan khas di mana, sebagai contoh, artis berkenaan mempunyai hubungan sejarah dan budaya yang kukuh dengan Malaysia.
7. Mana-mana komposer/penulis lirik yang berada di bawah Penerbit Muzik Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya yang memenuhi kriteria-kriteria di bawah akan dianggap sebagai layak:
 - (a) Mana-mana komposer/penulis lirik yang merupakan warganegara Malaysia;
 - (b) Mana-mana komposer/penulis lirik yang mempunyai status pemastautin tetap dan telah menetap di Malaysia sekurang-kurangnya enam bulan dalam setahun dalam tempoh dua tahun berturut-turut sebelum acara anugerah (semasa tempoh kelayakan dan dalam kelayakan terdahulu);
 - (c) Mana-mana komposer/penulis lirik luar yang berpangkalan di Malaysia sekurang-kurangnya enam bulan dalam setahun dalam tempoh dua tahun berturut-turut sebelum acara anugerah (semasa tempoh kelayakan dan dalam kelayakan terdahulu) dan bernaung di bawah Penerbit muzik Malaysia.

Ahli majlis RIM berhak untuk menentukan kelayakan dalam keadaan khas di mana, sebagai contoh, komposer/penulis lirik berkenaan mempunyai hubungan sejarah dan budaya yang kukuh dengan Malaysia.
8. Bagi kategori “Album Terbaik”, penerbit haruslah menepati salah satu dari kriteria di bawah:
 - (a) Mana-mana Penerbit yang merupakan warganegara Malaysia;
 - (b) Mana-mana Penerbit yang mempunyai status pemastautin tetap dan telah menetap di Malaysia sekurang-kurangnya enam bulan dalam setahun dalam tempoh dua tahun berturut-turut sebelum acara anugerah (semasa tempoh kelayakan dan dalam kelayakan terdahulu);
 - (c) Mana-mana Penerbit luar yang berpangkalan di Malaysia sekurang-kurangnya enam bulan dalam setahun dalam tempoh dua tahun berturut-turut sebelum acara anugerah (semasa tempoh kelayakan dan dalam kelayakan terdahulu).

Ahli majlis RIM berhak untuk menentukan kelayakan dalam keadaan khas di mana, sebagai contoh, Penerbit berkenaan mempunyai hubungan sejarah dan budaya yang kukuh dengan Malaysia.

9. Syarikat Rakaman bertanggungjawab sepenuhnya dalam menentukan kategori yang sesuai dan betul untuk setiap pencalonan. Mana-mana penyertaan yang didapati mengandungi maklumat yang tidak betul atau tidak disertakan dengan bahan-bahan yang diperlukan akan dibatalkan. Yuran pencalonan tidak akan dikembalikan apabila pencalonan terbatal.
10. Dengan mengemukakan pencalonan, Syarikat Rakaman dan Syarikat Penerbitan dengan ini tanpa ragu-ragu memberikan kuasa sepenuhnya membenarkan atau melesenkan lagu dan/atau video muzik dari Album/”Single” yang dicalonkan untuk dimuatkan di dalam album kompilasi Calon AIM 22; dan juga membenarkan Artis/Lagu/Album ditampilkan di dalam persembahan ‘live’ yang mungkin akan disiarkan di televisyen untuk tujuan promosi majlis di mana pemilihan dan syarat-syaratnya diputuskan mengikut budi bicara mutlak RIM untuk dijual kepada umum dengan tujuan untuk mempromosikan acara AIM 22.
11. Sebuah album harus mengandungi sebanyak minimum lima (5) buah lagu, dengan tempoh jangkamasa tidak kurang dari 15 minit.
12. Untuk kategori “Album Terbaik”, sila tandakan 3 lagu terbaik di atas cakera padat/kulit album dengan pen ‘marker’ mengikut ‘ranking’ 1 hingga 3.
13. Sekiranya terdapat pertikaian atau ketidakpastian, keputusan akhir tertakluk kepada budi bicara RIM.
14. Yuran pencalonan untuk setiap penyertaan ialah Ringgit Malaysia: **Satu Ratus Sahaja (RM100.00) termasuk 6% GST**. Pencalonan haruslah disertai dengan cek/wang tunai di atas nama **Recording Industry Association of Malaysia** (Contoh: Untuk pencalonan Artis/Album/Lagu dalam tiga kategori – ‘Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu (Lelaki)’, ‘Album Terbaik’ dan ‘Lagu Terbaik’, jumlah yuran pencalonan adalah sebanyak **RM300.00**).
15. Pencalonan mestilah sampai ke alamat di bawah sebelum tarikh tutup pada **29 Julai 2016 (Jumaat)**, jam 5.00 petang.

Persatuan Industri Rakaman Malaysia (“RIM”)

L-8-2, Tingkat 8, Blok L, No. 2,
Jalan Solaris, Solaris Mont’ Kiara, 50480 Kuala Lumpur.
Tel: (03) 6207 2800 Faks: (03) 6207 2900

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Puan Samirah Hambali, RIM
Emel: samirahaim22@gmail.com

KATEGORI ANUGERAH AIM22

- 1. ARTIS BARU TERBAIK**
- 2. PERSEMBAHAN VOKAL TERBAIK DI DALAM LAGU (LELAKI)**
- 3. PERSEMBAHAN VOKAL TERBAIK DI DALAM LAGU (WANITA)**
- 4. PERSEMBAHAN VOKAL TERBAIK DI DALAM LAGU (BERKUMPULAN)**
- 5. PERSEMBAHAN VOKAL DUO/KOLABORASI TERBAIK DI DALAM LAGU**
- 6. KULIT ALBUM TERBAIK**
- 7. RAKAMAN ALBUM TERBAIK**
- 8. VIDEO MUZIK TERBAIK**
- 9. LAGU POP ETNIK TERBAIK**
- 10. LAGU NASYID TERBAIK**
- 11. LAGU ROCK TERBAIK**
- 12. LAGU POP TERBAIK**
- 13. LAGU HIP HOP TERBAIK**
- 14. LAGU INGGERIS TEMPATAN TERBAIK**
- 15. ANUGERAH KEMBARA**
- 16. ANUGERAH SRI WIRAMA**
- 17. SUSUNAN MUZIK TERBAIK DI DALAM LAGU**
- 18. LAGU TERBAIK**
- 19. ALBUM TERBAIK**
- 20. LAGU MUAT TURUN PALING TINGGI (BARU)**
- 21. LAGU STRIM PALING TINGGI (BARU)**
- 22. VIDEO MUZIK RASMI PALING TINGGI DITONTON DI YOUTUBE (BARU)**
- 23. JUALAN LAGU NADA DERING PEMANGGIL PALING TINGGI (BARU)**
- 24. PENYANYI MALAYSIA TERBAIK (BARU)**

KATEGORI DAN KRITERIA PENUH

1. ARTIS BARU TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis yang layak. Kategori ini adalah untuk Artis baru, samada solo atau berkumpulan yang telah menerbitkan rakaman sulungnya yang memperkenalkan nama Artis tersebut dalam industri. Setiap Artis hanya boleh mencalonkan satu (1) lagu untuk kategori ini. Artis yang pernah menerbitkan rakaman secara solo atau berkumpulan di atas nama lain sebelum ini tidak layak untuk bertanding.

- Kriteria:
- Imej
 - Persembahan
 - Keupayaan Vokal
 - Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris
 - Mestilah rakaman album/single pertama
 - Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)

- Bahan diperlukan:
- Cakera Padat
 - Video Muzik (VCD, DVD)
 - Keratan akhbar (Sepuluh (10) salinan)
 - Biodata artis (Sepuluh (10) salinan)
 - Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis
 - 5 keping gambar berlainan resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk CD/DVD

2. PERSEMBAHAN VOKAL TERBAIK DI DALAM LAGU (LELAKI)

Dianugerahkan kepada Artis yang layak untuk persembahan vokal secara solo. Setiap Artis hanya boleh mencalonkan satu (1) lagu untuk kategori ini.

- Kriteria:
- Tafsiran lagu
 - Teknik vokal
 - Kawalan suara
 - Intonasi
 - 'Pitching'
 - Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris
 - Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)

- Bahan diperlukan:
- Cakera Padat
 - Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis
 - Gambar artis dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk DVD/CD

3. PERSEMBAHAN VOKAL TERBAIK DI DALAM LAGU (WANITA)

Dianugerahkan kepada Artis yang layak untuk persembahan vokal secara solo. Setiap Artis hanya boleh mencalonkan satu (1) lagu untuk kategori ini.

- Kriteria:
- Tafsiran lagu
 - Teknik vokal
 - Kawalan suara
 - Intonasi
 - 'Pitching'
 - Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris
 - Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)

- Bahan diperlukan:
- Cakera Padat
 - Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis
 - Gambar artis dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk DVD/CD

4. PERSEMBAHAN VOKAL TERBAIK DI DALAM LAGU (BERKUMPULAN)

Dianugerahkan kepada Kumpulan yang layak. Setiap Kumpulan hanya boleh mencalonkan satu (1) lagu dalam kategori ini.

- Kriteria:
- Lagu mestilah mengandungi persembahan vokal oleh lebih dari seorang vokalis dalam kumpulan tersebut (kolaborasi atau persembahan secara duet atau dari kumpulan artis yang kebiasaannya tidak membuat persembahan secara bersama tidak layak untuk kategori ini)
 - Tafsiran lagu
 - Teknik vokal
 - Kawalan suara
 - Intonasi
 - 'Pitching'
 - Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris
 - Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)

- Bahan diperlukan:
- Cakera Padat
 - Salinan Kad Pengenalan/Pasport ahli kumpulan
 - Gambar kumpulan dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk DVD/CD

5. PERSEMBAHAN VOKAL DUO/KOLABORASI TERBAIK DI DALAM LAGU

Dianugerahkan kepada Artis yang layak. Setiap Duo/Kolaborasi hanya boleh mencalonkan satu (1) lagu dalam kategori ini.

- Kriteria:
- Lagu mestilah mengandungi persembahan vokal oleh duet atau kolaborasi
 - Tafsiran lagu
 - Teknik vokal
 - Kawalan suara
 - Intonasi
 - 'Pitching'
 - Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris
 - Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)

- Bahan diperlukan:
- Cakera Padat
 - Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis
 - Gambar artis dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk DVD/CD

6. KULIT ALBUM TERBAIK

Dianugerahkan kepada Pereka. Kategori ini terbuka kepada Pereka Tempatan dan Luar kulit album.

- Kriteria:
- Konsep
 - Grafik
 - Penggambaran (Fotografi)
 - Arah seni
 - Susun atur ('Layout')
 - Penerbitan haruslah dibuat di Malaysia

- Bahan diperlukan:
- Cakera padat
 - Gambar kulit album dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk DVD/CD

7. RAKAMAN ALBUM TERBAIK

Dianugerahkan kepada Jurutera Bunyi. Kategori ini terbuka kepada Jurutera Bunyi Tempatan dan Luar album tempatan.

- Kriteria:
- Rakaman
 - 'Separation'
 - 'Mixing'
 - 'Mastering'
 - Rakaman dan 'Mixing' asas haruslah dibuat di studio Malaysia

- Bahan diperlukan:
- Cakera padat
 - Gambar kulit album dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk DVD/CD

8. VIDEO MUZIK TERBAIK

Dianugerahkan kepada Pengarah Video. Kategori ini terbuka kepada Pengarah Video Tempatan dan Luar video muzik tempatan. Pencalonan diterima talah untuk klip video individu yang diterbitkan dalam tempoh kelayakan.

- Kriteria:
- Konsep
 - Seni wayang ('Cinematography')
 - Arahan seni
 - Suntingan
 - Penerbitan haruslah dibuat di Malaysia

- Bahan diperlukan:
- Video dalam kualiti HD (DVD)
 - Format Video yang diterima dalam bentuk digital: .avi/.mpg/.mpeg

9. LAGU POP ETNIK TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Komposer dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh kelayakan. Kategori ini adalah untuk persembahan solo, duo atau berkumpulan, samada vokal atau instrumental.

- Kriteria:
- Mesti mengandungi unsur-unsur tradisional (termasuk Nusantara, Asli, Dialek Tempatan, Malaysia Timur, Dangdut, "World Music" dan muzik Etnik)
 - Penghakiman dibuat berdasarkan penggunaan genre yang sesuai
 - Kualiti lagu
 - Melodi
 - Lirik
 - Susunan muzik
 - Kualiti rakaman dan penerbitan
 - Persembahan vokal (di mana sesuai)
 - Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
 - Rakaman dan 'Mixing' asas haruslah dibuat di studio Malaysia

- Bahan diperlukan:
- Cakera padat
 - Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Komposer dan Penulis Lirik
 - Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di atas kertas A4 (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan komposer*)
 - Gambar artis, komposer dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk DVD/CD

10. LAGU NASYID TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Komposer dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh kelayakan. Kategori ini adalah untuk persembahan solo, duo atau kumpulan.

- Kriteria:
- Penghakiman dibuat berdasarkan penggunaan genre yang sesuai (termasuk nasyid kontemporari, ketuhanan dan dll.)
 - Kualiti lagu
 - Melodi
 - Lirik
 - Susunan muzik
 - Kualiti rakaman dan penerbitan
 - Persembahan vokal
 - Minimum 60% Bahasa Malaysia dan/atau 40% Bahasa Arab/Inggeris
 - Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
 - Rakaman dan 'Mixing' asas haruslah dibuat di studio Malaysia

- Bahan diperlukan:
- Cakera padat
 - Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Komposer dan Penulis Lirik
 - Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di atas kertas A4 (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan komposer*)
 - Gambar artis, komposer dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk DVD/CD

11. LAGU ROCK TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Komposer dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh kelayakan. Kategori ini adalah untuk persembahan solo, duo atau kumpulan.

- Kriteria:
- Penghakiman dibuat berdasarkan penggunaan genre yang sesuai (termasuk Pop Rock, Alternatif, Hard Rock, Metal, Trash, Nu Metal, Rap Core, dll.)
 - Kualiti lagu
 - Melodi
 - Lirik
 - Susunan muzik
 - Kualiti rakaman dan penerbitan
 - Persembahan Vokal
 - Minimum 60% terdiri dari Bahasa Malaysia
 - Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
 - Rakaman dan 'Mixing' asas haruslah dibuat di studio Malaysia

- Bahan diperlukan:
- Cakera padat
 - Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Komposer dan Penulis Lirik
 - Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di atas kertas A4 (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan komposer*)
 - Gambar artis, komposer dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk DVD/CD

12. LAGU POP TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Komposer dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh kelayakan. Kategori ini adalah untuk persembahan solo, duo atau kumpulan.

- Kriteria:
- Penghakiman dibuat berdasarkan penggunaan genre yang sesuai (termasuk Dance, Techno, dll.)
 - Kualiti lagu
 - Melodi
 - Lirik
 - Susunan muzik
 - Kualiti rakaman dan penerbitan
 - Persembahan vokal

- Minimum 60% terdiri dari Bahasa Malaysia
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- Rakaman dan 'Mixing' asas haruslah dibuat di studio Malaysia

Bahan diperlukan:

- Cakera padat
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Komposer dan Penulis Lirik
- Gambar artis, komposer dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk DVD/CD
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di atas kertas A4
(tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan komposer)

13. LAGU HIP HOP TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Komposer dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh kelayakan. Kategori ini adalah untuk persembahan solo, duo atau kumpulan.

Kriteria:

- Penghakiman dibuat berdasarkan penggunaan genre yang sesuai (termasuk Rap, R&B, dll.)
- Kualiti lagu
- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Persembahan vokal
- Minimum 60% terdiri dari Bahasa Malaysia
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- Rakaman dan 'Mixing' asas haruslah dibuat di studio Malaysia

Bahan diperlukan:

- Cakera padat
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Komposer dan Penulis Lirik
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di atas kertas A4
(tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan komposer)
- Gambar artis, komposer dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk DVD/CD

14. LAGU INGGERIS TEMPATAN TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Komposer dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh kelayakan. Kategori ini adalah untuk persembahan solo, duo atau kumpulan. Pencalonan terbuka untuk semua genre muzik.

Kriteria:

- Kualiti lagu
- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Persembahan Vokal
- Lagu Bahasa Inggeris
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- Rakaman dan 'Mixing' asas haruslah dibuat di studio Malaysia

Bahan diperlukan:

- Cakera padat
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Komposer dan Penulis Lirik
- Gambar artis, komposer dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk DVD/CD
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di atas kertas A4
(tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan komposer)

15. ANUGERAH KEMBARA

Kategori ini terbuka untuk pencalonan tetapi bukan untuk penghakiman. Penerima anugerah ini akan ditentukan oleh ahli Majlis RIM sepenuhnya.

- Kriteria:
- Artis Malaysia yang mempromosikan lagu ciptaan komposer Malaysia di luar negara
 - Hanya kejayaan yang dicapai dalam tempoh kelayakan akan diambil kira
 - Hanya pencapaian yang dibuat di luar negara akan diterima

- Bahan diperlukan:
- Cakera padat
 - Video / 'Show reel' (VCD, DVD)
 - Keratan akhbar berkenaan dengan pencapaian (Sepuluh (10) salinan)
 - Biodata artis (Sepuluh (10) salinan)
 - Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis
 - 5 keping gambar berlainan resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk CD/DVD

16. ANUGERAH SRI WIRAMA

Kategori ini tidak dibuka untuk pencalonan dan penghakiman. Penerima anugerah ini akan ditentukan sepenuhnya oleh ahli Majlis RIM.

- Kriteria:
- Seseorang individu yang telah membuat sumbangan yang cemerlang kepada industri muzik Malaysia.

17. SUSUNAN MUZIK TERBAIK DI DALAM LAGU (SEMUA BAHASA)

Dianugerahkan kepada Arranger. Kategori ini juga terbuka kepada Arranger Tempatan dan Luar.

- Kriteria:
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
 - Kreativiti
 - Kesesuaian
 - Kualiti
 - Tafsiran lagu

- Bahan diperlukan:
- Cakera Padat
 - Gambar arranger dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk DVD/CD

18. LAGU TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Komposer dan Penulis Lirik yang layak. Kategori ini tidak dibuka untuk pencalonan. Penerima anugerah ini akan dihakimi oleh sebuah panel juri bebas berdasarkan pemenang kategori 'Lagu Pop Etnik Terbaik', 'Lagu Nasyid Terbaik', 'Lagu Rock Terbaik', 'Lagu Pop Terbaik', 'Lagu Hip Hop Terbaik' dan 'Lagu Inggeris Tempatan Terbaik'.

19. ALBUM TERBAIK

Dianugerahkan kepada Penerbit Album (sila rujuk terma 8 dalam terma & syarat kelayakan) dan Artis.

- Kriteria:
- Album kompilasi yang menampilkan artis berlainan tidak layak untuk kategori ini
 - Kualiti lagu
 - Susunan muzik
 - Kualiti rakaman dan penerbitan
 - Persembahan vokal
 - 60% terdiri dari Bahasa Malaysia
 - 60% digubah oleh warganegara Malaysia tertakluk kepada syarat kelayakan
 - Rakaman dan 'Mixing' asas haruslah dibuat di studio Malaysia

- Bahan diperlukan:
- Cakera padat
 - Salinan Kad Pengenalan/Pasport Penerbit Album dan Artis
 - Gambar kulit album, penerbit album dan artis dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam bentuk DVD/CD

20 LAGU MUAT TURUN PALING TINGGI (BARU)

Dianugerahkan kepada Syarikat Rakaman dan Artis. Setiap syarikat rakaman hanya boleh mencalonkan satu (1) lagu muat turun yang paling tinggi berdasarkan penjualan di semua pelantar muat turun dalam tempoh pencalonan yang ditetapkan.

- Kriteria:
- Lagu dari Album/ "Single" syarikat rakaman
 - Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
 - Jumlah muat turun akan disahkan oleh RIM dan/atau juruaudit yang dilantik RIM

- Bahan diperlukan:
- Cakera padat

21 LAGU STRIM PALING TINGGI (BARU)

Dianugerahkan kepada Syarikat Rakaman dan Artis. Setiap syarikat rakaman hanya boleh mencalonkan satu (1) lagu strim yang paling tinggi berdasarkan penjualan di semua pelantar strim muzik dalam tempoh pencalonan yang ditetapkan.

- Kriteria:
- Lagu dari Album/ "Single" syarikat rakaman
 - Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
 - Jumlah strim akan disahkan oleh RIM dan/atau juruaudit yang dilantik RIM

- Bahan diperlukan:
- Cakera padat

22 VIDEO MUZIK RASMI PALING TINGGI DITONTON DI YOUTUBE (BARU)

Dianugerahkan kepada Syarikat Rakaman dan Artis.

- Kriteria:
- Video muzik rasmi dari Album/ "Single" syarikat rakaman
 - Penerbitan haruslah dirakam dan buat di Malaysia
 - Jumlah tontonan video muzik rasmi akan disahkan oleh pihak RIM dengan YouTube.

- Bahan diperlukan:
- Sumber dari YouTube

23 JUALAN LAGU NADA DERING PEMANGGIL PALING TINGGI (BARU)

Dianugerahkan kepada Syarikat Rakaman dan Artis. Setiap syarikat rakaman hanya boleh mencalonkan satu (1) lagu nada dering pemanggil yang paling tinggi berdasarkan penjualan di semua telco dalam kategori ini.

- Kriteria:
- lagu dari Album/ "Single" syarikat rakaman
 - Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
 - Jumlah jualan nada dering akan disahkan oleh RIM dan/atau juruaudit yang dilantik RIM

- Bahan diperlukan:
- Cakera padat

24 PENYANYI MALAYSIA TERBAIK (BARU)

Dianugerahkan kepada Artis yang diadili oleh juri-juri awam dari 10 calon akhir artis yang dipilih oleh juri-juri profesional.

- Kriteria:
- Artis yang tersenarai dalam Top 5 kategori 'Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu (Lelaki)' dan 'Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu (Wanita)' secara automatik layak bertanding untuk kategori ini.